

SIARAN MEDIA

KAJIAN TERKINI MENUNJUKKAN TIGA DOS VAKSIN COVID-19 SINOVAC NEUTRALKAN 95% ANTIBODI INDIVIDU MELAWAN VARIAN OMICRON

SHAH ALAM, 22 JANUARI 2022 – Data daripada kajian terkini oleh Sinovac Biotech Ltd¹ menunjukkan tiga dos vaksin COVID-19 Sinovac mampu menghasilkan 95% antibodi peneutral yang lebih tinggi berbanding 3.3% penerima dua dos untuk melawan varian membimbangkan (VOC), termasuklah Omicron.

Jurucakap Sinovac Biotech Pearson Liu berkata penyelidikan ini turut membuktikan bahawa vaksin yang menggunakan teknologi virus yang dinyahaktif itu adalah antara yang paling banyak digunakan di seluruh dunia dan berkesan dalam memerangi virus COVID-19.

“Ketika dunia terus melawan kemunculan varian baharu COVID-19, hasil kajian ini telah menyokong bahawa imunisasi dengan dos ketiga mampu memberikan perlindungan yang lebih berkesan terhadap virus COVID-19. Penemuan ini sejajar dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan pihak berkuasa kesihatan tempatan di seluruh dunia bagi semua jenis vaksin COVID-19²,” katanya.

Kajian yang diterbitkan oleh jurnal perubatan bioRxiv ini telah dilakukan di China bagi mengkaji tindak balas imun CoronaVac, di kalangan 120 individu. Dalam kajian ini, pakar penyelidik telah mengasingkan 323 individu yang telah menerima tiga dos di mana mereka mempunyai antibodi monoklonal (antibodi klon sel darah putih), yang menyasarkan keberkesanan untuk mematikan virus COVID-19.

Daripada 323 antibodi ini, lebih daripada 300 antibodi menunjukkan berberkesanan mematikan VOC dan Varian Kepentingan (VOI). Kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti antibodi ini mempunyai keupayaan untuk bertindak balas dengan Domain Pengikat Reseptor Omicron (RBD). Selain daripada itu, kira-kira sedozen antibodi menunjukkan kesan peneutralan langsung dan sangat berkesan untuk melawan varian Omicron. Antibodi ini bertindak sebagai peneutral dengan menyekat secara langsung interaksi antara virus dan sel manusianya. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa dos penggalak vaksin COVID-19 Sinovac akan mengaktifkan sel T terhadap varian Omicron dengan cara yang sama dengan strain asal.

¹ <https://www.biorxiv.org/content/10.1101/2021.12.24.474084v1.full.pdf>

² [https://www.who.int/news/item/26-11-2021-classification-of-omicron-\(b.1.1.529\)-sars-cov-2-variant-of-concern](https://www.who.int/news/item/26-11-2021-classification-of-omicron-(b.1.1.529)-sars-cov-2-variant-of-concern)

UNTUK SIARA SEGERA

SIARAN MEDIA

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama LTAT, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com